

# Haji Omar Din dibebaskan

20 NOV 1988

B. Minggu (M)

GEORGETOWN, Sabtu — Mahaguru Seni Silat Lincak Malaysia, Haji Omar Din hari ini dibebaskan dari Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerjak selepas menjalani hukuman selama dua tahun.

Beberapa anggota keluarganya dengan disertai lebih 60 penyokong beliau menunggu dari awal pagi lagi di jeti Pulau Jerjak untuk menyambutnya.

Haji Omar Din yang dibebaskan kira-kira jam 10 pagi tadi tiba di jeti berkenaan setengah jam kemudian dan disambut dengan tangisan gembira oleh keluarga dan sanak-saudara beliau.

Menurut jurucakap pusat itu, Haji Omar Din yang dimasukkan ke pusat itu pada November 1986 kini dalam keadaan sihat.

Beliau ditahan mengikut Ordinan Darurat 1969.

Sebaik tiba di jeti beliau terus masuk ke dalam kereta yang sedia menunggu dan dibawa ke Ibu Pejabat Kontinjen Polis Pulau Pinang untuk menandatangani surat pembebasan.

Beliau berlepas pulang ke rumahnya di Taman Keramat, Kuala Lumpur kira-kira jam 12.30 tengah hari.

# Sabbaruddin Chik pandai bersilat

- 3 DEC 1988

B. Harian (M)

DEWAN Rakyat semalam tih-rendah dengan gelak ketawa apabila Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik membuat pengakuan bahawa beliau memang pandai bersilat.

Ini tercetus apabila Encik Hu Sepang (DAP-Rasah) bertanyakan soalan tambahan sama ada menteri itu boleh bersilat atau tidak.

Sebelum itu, ketika menjawab soalan asal Datuk Dr Affifuddin Haji Omar (BN-Padang Terap), Datuk Sabbaruddin berkata kementeriaannya tidak bercadang menubuhkan sebuah Akademi Silat Kebangsaan sebagai menggalakkan kegiatan sukan itu di negara ini.

Menurutnya, Persatuan Silat Kebangsaan (Pesaka) bagaimanapun diminta membuat kajian sama ada perlu atau tidak institut seperti itu ditubuhkan.

Kepada soalan tambahan Encik Shahidan Kassim (BN-Arau), Datuk Sabbaruddin berkata pihaknya setakat ini belum mendengar ada seni silat yang menggunakan jampi atau mentera yang bertentangan dengan agama Islam.

Bagaimanapun, katanya, ini akan disiasat.

# Omar Din lapor diri di Manjung

26 NOV 1988

B. Harian (M)

LUMUT, Jumaat — Mahaguru Seni Silat Lincak Malaysia, Haji Omar Din Mawai Din, 48, hari ini melaporkan diri di Balai Polis Daerah Manjung di sini untuk menjalani arahan sekatan daerah di Pulau Pangkor selama dua tahun.

Beliau tiba di balai polis itu jam 11 pagi diiringi oleh keluarganya.

Menurutnya, selama di Pulau Pangkor, beliau akan memperkembangkan seni silat lincak di kalangan anak muridnya di sini.

"Saya juga akan mengendalikan rawatan tradisional di pulau itu," katanya kepada pemberita selepas menemui Ketua Polis Daerah, Penguasa Haji Alias Ahmad. Menurutnya, beliau akan menetap di sebuah rumah di pulau itu.

Menceritakan pengalamannya dua tahun di pusat tahanan Pulau Jerjak sebelum dibebaskan minggu lalu, beliau berkata ketika di situ beliau cuba memantapkan diri dan ilmunya.

Katanya, mulai sekarang beliau dikehendaki melaporkan diri di Balai Polis Pangkor setiap minggu.

Secara berseloroh, beliau berkata: "Mungkin sepanjang saya di Pulau Pangkor, lebih ramai pelancong termasuk anak murid saya akan berkunjung ke pulau perangnya itu."

## SILAT OLAHRAGA DI MENGGATAL

# Telipok johan keseluruhan

28 NOV 1988

B. Harian (M)

PASUKAN Telipok menjadi juara keseluruhan pertandingan silat olahraga Sabah di Dewan Masyarakat Menggatal, dekat Kota Kinabalu semalam.

Pasukan itu memungut 555 mata. Seorang pesertanya, Jailani Entuh dipilih sebagai johan bahagian kanak-kanak, manakala Mariam Suria juara bahagian wanita.

Seramai 78 peserta mewakili pelbagai persatuan silat seluruh Sabah menyertai pertandingan anjuran Persatuan Seni Silat Olahraga Sabah (Pessos) cawangan Kampung Rampayan, Menggatal.

Presiden Pessos, Saimin Amin menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Keputusan keseluruhan: Bahagian kanak-kanak — Jailani Entuh (johan), 2 Sawadi Sawad dan 3 Siti Fatimah Abdullah; Wanita — Mariam Suria (johan), 2 Zalina Mahali dan 3 Maria Angkud; Lelaki — Noorme Merasin (johan), 2 Keprawi Kasim dan 3 Mat Sani Yunus; Kumpulan kanak-kanak — pasukan Kampung Darau A (johan), 2 Telipok dan 3 Kampung Darau B; Kumpulan lelaki — Darau A (johan), 2 Darau B, dan 3 Kuala Penyua.

# Haji (Omar Din) perlu kebenaran polis

B. Minggu (M)

27 NOV 1988

IPOH, Sabtu — Mahaguru Pertubuhan Seni Silat Lincak Malaysia, Haji Omar Din Mawai Din, yang menjalani arahan sekatan daerah di Pulau Pangkor selama dua tahun, mesti mendapat kebenaran polis sebelum mengembangkan seni itu di kalangan anak muridnya atau mengendalikan rawatan tradisional di pulau berkenaan.

Ketua Polis Perak, Datuk Ang Phaik Chin, berkata hari ini, sepanjang tempoh penahanannya di pulau itu Haji Omar Din, 48, tidak boleh mengembangkan kegiatannya dengan sesuka hatinya.

Beliau berkata, sesiapa yang menjalani arahan sekatan daerah, tidak boleh membabitkan diri dalam sebarang kegiatan tanpa mendapat kebenaran polis terlebih dahulu.

"Mereka juga tidak boleh keluar dari kawasan yang ditetapkan," katanya ketika mengulas kenyataan Haji Omar Din mengenai rancangannya untuk mengembangkan seni silat lincak dan mengendalikan rawatan tradisional di Lumut dan Pulau Pangkor, sepanjang tempoh penahanannya.

Haji Omar Din melaporkan diri di Balai Polis Daerah Manjung, jam 11 pagi semalam, untuk menjalani arahan sekatan daerah di Pulau Pangkor, selama dua tahun.